

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UT_eM

PROGRAM OUTREACH YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI

08/08/2020, 9.00 PAGI

BILIK VIP DEWAN CANSOLOR UT_eM

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad
Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan Bin Yusoff
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Bin Ishak
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Dif-Dir Kehormat, Pegawai-Pegawai Kanan UTeM, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang indah ini, kita dapat dipertemukan di dalam **Program Outreach Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

2. Bagi pihak UTeM, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bersama-sama delegasi dari Kementerian Pengajian Tinggi di atas kesudian untuk turun ke UTeM pada pagi ini.

Awal pagi keluar ke pekan,
Pergi membeli sekerat rotan,
Kehadiran YB. Dato' kami dialukan,
Memberi inspirasi, mengerat ikatan.

3. Saya amat yakin, kehadiran YB. Dato' pada pagi ini dapat merapatkan lagi ukhwah dan jalinan persefahaman di antara seorang pemimpin yang dihormati bersama-sama warga Universiti khususnya dari kalangan ahli akademik dan para pelajar Universiti ini.

4. Program Outreach pada pagi ini juga amat dinanti-nantikan oleh kami semua, kerana menerusi platform ini, pelbagai informasi bermanfaat dari kedua-dua pihak sama ada dari KPT mahupun UTeM dapat dikongsi bersama bagi memperkasakan lagi kualiti sektor pendidikan tinggi ke aras yang lebih cemerlang dan gemilang.

YB. Dato', hadirin dan hadirat sekalian,

5. Bagi menjayakan program outreach yang bersifat fokus pada pagi ini, kami telah mengumpulkan seramai 50 warga Universiti yang terdiri daripada Dekan-Dekan Fakulti, Timbalan- Timbalan Dekan, Wakil Persatuan Akademik, siswa dan siswi UTeM.
6. Pastinya, mereka semua sudah tidak sabar untuk berinteraksi secara terus bersama Yang Berhormat Menteri selepas ini. Diharapkan, peluang keemasan sebegini dapat kita manfaatkan dengan sebaik mungkin.

YB Dato', Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya amat berbesar hati mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Yang Berhormat Dato'** dan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang tidak pernah jemu memberikan nasihat serta sokongan berterusan kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
8. Semoga kerjasama ini berterusan di kalangan kita dan ukhwah yang terbina lebih erat di masa akan datang.

Terukir indah hiasan singgasana,
Tingkap papan kayu bersegi,
Sokongan Yang Berhormat Dato' begitu bermakna,
Memacu pendidikan tinggi ke aras tertinggi

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt.*
wbt. Terima kasih.